

23/10/2002

Faktor sejarah antara punca harga air ke Singapura murah

A Ghani Nasir

JOHOR bersengketa dengan Singapura? Mungkin ramai berpendapat ia adalah perkara yang tidak mungkin berlaku.

Tetapi sejarah mencatatkan sekitar 1860-an, Singapura yang ketika itu wilayah jajahan British di Timur Jauh, dilanda kegawatan hingga memaksa ramai peniaga dan penduduknya berhijrah ke Johor.

Ini mencetuskan masalah sosial di Johor, menyebabkan Sultan Abu Bakar Temenggong Ibrahim menyekat kemasukan kapal dari Singapura sehingga menimbulkan keadaan huru-hara di pulau itu.

Namun, Gabenor British di Singapura, Orfeur Cavenagh, bertindak balas dengan memberi amaran akan mengisytiharkan Selat Johor milik kerajaan penjajah, menyebabkan Sultan Abu Bakar mengalah.

Hubungan Johor-Singapura yang tegang itu didedahkan sejarawan, Carl A Trocki, dalam bukunya *Opium and Empire*.

Kini air dari tiga sungai di Johor pula menjadi isu apabila Singapura melambatkan-rundangan bagi menaikkan harga air mentah yang masih kekal tiga sen setiap 1,000 gelen sebagaimana dipersetujui pada 1961 dan 1962.

Ramai mungkin tertanya-tanya mengapa Kuala Lumpur bersikap terlalu murah hati membenarkan persetujuan dimeterai menjual air dengan harga sebegitu rendah pada kadar hanya AS\$0.007 sen (jika dikira berdasarkan dolar Amerika) bagi 1,000 gelen.

Ini mungkin berpunca daripada dua sebab. Pertama, pertalian sejarah kuat di antara kerajaan Kesultanan Johor-Riau-Lingga dengan Singapura yang pernah menjadi sebahagian jajahannya di bawah takhta Sultan Hussein Shah sebelum 1824.

Malangnya, Sultan Hussein menyerahkan pulau itu kepada Stamford Raffles mengikut satu perjanjian penuh muslihat yang menghakis kuasa kerajaan Melayu ke atas Singapura.

Dengan membayar sejumlah pampasan dan pencen bulanan, Raffles diberi kesempatan menjadikan pulau itu pusat perdagangan.

Kedua, ia tidak lain daripada hakikat pada 1961 dan 1962, Lee Kuan Yew sedang berjuang bermati-matian untuk memasukkan Singapura ke dalam Persekutuan Malaysia kerana tanpa penyertaannya, republik itu kekal sebagai wilayah naungan British.

Berdasarkan hakikat Singapura akan menyertai Malaysia, maka perjanjian mengenai kadar harga air pun banyak memihak dan menguntungkan negara jiran yang kecil itu.

Namun, menurut buku *Duri Dalam Daging: Singapura Dalam Malaysia* oleh Prof Dr Nik Anuar Nik Mahmud, sejarah tidak memihak kepada Kuan Yew apabila Singapura disingkir dari Malaysia berikutan tindakan PAP yang mempersoalkan ketuanan Melayu dan kemungkinan tercetusnya kekacauan angkara sikap angkuh parti itu yang mahu menyusup masuk dan menguasai setiap bandar di Semenanjung yang ramai pengundi Cina.

Sebelum PAP sempat melaksanakan rancangannya itu, Singapura sudah pun keluar dari Malaysia pada 1965 dengan perjanjian bekalan air mentah sudah pun dimeterai.

Pada rundangan dua hari di Johor Bahru, 16 dan 17 Oktober lalu, republik itu berkeras Malaysia sudah kehilangan hak mengkaji semula kadar harga air mentah sebagaimana dipersetujui pada 1961 dan 1962 kerana tidak berbuat demikian pada 1986 dan 1987.

Peruntukan menetapkan harga air boleh dikaji semula 25 tahun selepas

termeterainya dua perjanjian itu. Singapura bertegas dari segi undang-undang hak Malaysia itu sudah lupus dengan sendirinya kerana tidak membangkitkan perkara itu sebelum ini.

Apa yang menghairankan bagi republik itu, soal kajian semula kadar harga air mentah hanya patut diungkit tepat 25 tahun selepas perjanjian dan tidak selepas itu.

Mengapa Menteri Luar Singapura, Profesor S Jayakumar, dan Perdana Menteri, Goh Chok Tong, enggan berganjak dengan Jayakumar berhujah berjela-jela mengenai aspek undang-undang ini tidaklah difahami.

Dalam pada itu, republik itu terus membeli dengan harga ditetapkan sebelum Perang Dunia Kedua, iaitu pada 1927 lagi dengan kerja membina Skim Air Gunung Pulai yang dimulakan sekitar 1924.

Ia meliputi Kolam Air Gunung Pulai dan Pontian, sebuah stesen pengepam air, sebuah loji penapisan dan saluran paip pembekal air ke Singapura.

Mengikut laman web Lembaga Perbekalan Awam Singapura (PUB), pada 1953 pula Loji Penapisan Tebrau disiapkan dengan paip 1,600 milimeter menyalurkan air ke pulau itu.

Sekali lagi, pada pertengahan 1960-an, berikutan perjanjian air 1961 dan 1962, PUB diberi kebenaran menyiapkan Skim Sungai Skudai dan Sungai Johor berupa loji penyedut air dan penapisan selain sebuah stesen pengepam.

Di bawah projek itu, sebatang paip bergaris pusat 1,800 milimeter dipasang dari loji itu ke Singapura.

Republik itu semakin rakus menggunakan air sejajar pembangunan pesat sektor perindustrian, peluasan estet perumahan, pertambahan penduduk dan permintaan yang meningkat daripada kapal di pelabuhannya.

Sekitar 1980-an, keupayaan penapisan Skim Air Skudai dan Sungai Johor ditingkatkan dengan paip bergaris pusat 2,200 milimeter dipasang dari loji Sungai Johor ke Singapura yang termasuk saluran paip dalam laut melintasi Selat Tebrau.

Pada 1988, projek Kolam Air Linggiu pula dimulakan yang membabitkan pembinaan sebuah empangan melintasi Sungai Linggiu, iaitu sebatang anak Sungai Johor.

Ia siap dibina pada 1993 dengan paip berukuran 2,200 mm juga dipasang dari Loji Sungai Johor ke Singapura.

Kini, Johor menjual sehingga 910 juta liter air mentah setiap hari ke republik itu dan membeli semula 130 juta liter air dirawat dari PUB untuk kegunaan penduduk di Johor Bahru, Kota Tinggi dan sebahagian Pontian.

Dengan harga air mentah tiga sen setiap 1,000 gelen dan membelinya semula dengan kadar 50 sen bagi setiap 1,000 gelen air dirawat itu, Johor menanggung kerugian RM3.1 juta setiap tahun.

Bagaimanapun, dengan 800,000 penduduk di tiga kawasan itu dan dijangka melebihi sejuta dalam masa tiga tahun lagi, Kerajaan Johor sudah pun membina loji penapisan air di Semangar yang menelan belanja RM650 juta dekat Kota Tinggi yang dijangka siap pada penghujung 2003.

Kerajaan Johor, kata Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, sudah pun memberikan Singapura notis dua tahun bahawa pembelian air bersih dari PUB akan dihentikan menjelang jangka masa itu.

Kerajaan Malaysia sudah pun memberitahu Singapura ia mahu harga air mentah dinaikkan kepada 60 sen setiap 1,000 gelen mulai tahun ini sehingga 2007.

Dari tahun itu sehingga 2011, ia dicadangkan sebanyak RM3 tetapi selepas itu, satu formula baru dirangka. Bagaimanapun, ini ditolak bulat-bulat oleh republik itu.

Sebaliknya, ia bercadang membayar hanya 45 sen bagi 1,000 gelen dari sekarang hingga 2011 dan 60 sen pula sehingga 2061 dan seterusnya sehingga 100 tahun lagi, iaitu sehingga 2161.

Sedang isu air hangat diperkatakan, Singapura tiba-tiba mengumumkan ia

berjaya mencipta air baru - Newater - bukan air laut disuling tetapi air kitar semula dari tandas dan bilik air ditapis dan dirawat di beberapa lojinya.

Ia juga akan membiarkan perjanjian pertama yang berakhir pada 2011 lupus tanpa memperbaharainya sedang keperluannya dikurangkan kepada 250 juta gelen sehari sehingga perjanjian kedua mansuh pada 2061.

Apa yang menghairankan dalam mesyuarat dua hari di Johor Bahru itu, perwakilan Singapura begitu tegas dan berani menetapkan syarat bagi meneruskan rundingan.

Ia bukan saja mahu membincangkan semakan harga air mentah selama ini tetapi juga mengheret sama soal harga baru bagi air bersih dijual semula kepada Johor dan harga bekalan pada masa depan apabila dua perjanjian itu berakhir.

Selain mendakwa Malaysia gagal menunjukkan bagaimana ia boleh mengubah harga air mentah sesuai dengan peruntukan dalam perjanjian 1961 dan 1962, Singapura juga bertegas kita sudah hilang hak menyemak semula harga air kerana tidak berbuat demikian pada 1986 dan 1987.

Namun, kali ini ia pula berdepan dengan perwakilan Malaysia yang lebih tegas yang menekankan harga bagi air bagi kegunaan 100 tahun selepas perjanjian 1962 tamat pada 2061 hanya akan dibincangkan pada 2059.

Sebagaimana ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini, perjanjian air dengan Singapura sebenarnya merugikan kita sedang republik itu mengaut keuntungan berlipat ganda apabila menjual air bersih yang berasal daripada air mentah Johor kepada kapal dan sektor perindustrian negara itu.

Segala kemudahan penapisan air mentah di loji PUB di Gunung Pulai, Pontian dan Linggiu akan diserahkan semula kepada Syarikat Air Johor (SAJ) apabila dua perjanjian itu tamat kelak.

Tetapi buat masa ini, Kerajaan Johor tidak dibenarkan menjalankan sebarang projek pembangunan di kawasan penampung air PUB itu sedangkan SAJ perlu menjaga dan memulihara persekitaran dan hutan di tempat berkenaan dengan belanja yang besar.

Apakah Singapura akan terus berdegil untuk tidak berganjak setiap kali isu air dibawa ke meja rundingan?

Bagaimana jika menjelang 2011, setiap gelen air mentah tambahan perlu dibeli dengan harga baru dan selepas Malaysia hanya menjual air bersih kepada Singapura?

Jika air mentah atau air bersih itu mahu dijual oleh Singapura kepada kapal dan sektor perindustrian, segala keuntungan disyaratkan dikongsi bersama dengan Malaysia manakala kadar harga baru air pula mengambil kira faktor inflasi dan diperbaharui lebih kerap lagi, contohnya setiap setahun atau tiga tahun.

Sebenarnya, kita sedia menjual air mentah atau bersih kepada Singapura kelak tetapi dengan syarat yang kita tentukan, iaitu penuh dengan timbang rasa.

Buat masa ini, sebagaimana kata Ahli Parlimen Seri Gading, Datuk Mohamed Aziz, baru-baru ini, harga air mentah tiga sen setiap 1,000 gelen tidak masuk akal langsung.

Pokoknya mengapa Singapura, sebuah negara yang sudah pun tiba ke tahap negara Dunia Pertama, tidak berasa malu menagih air mentah tetapi enggan membayar harga sewajarnya.